



**KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN**

**SIARAN MEDIA**

**JANGAN 'SEMBUNYI' KES PENAGIHAN DADAH DI RUMAH**

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menyeru agar semua pihak untuk tidak mengambil langkah berdiam diri dan menyembunyikan kes penagihan dadah yang berlaku di dalam rumah masing-masing. Tindakan itu akan membahayakan bukan sahaja keluarga, malah memberi kesan kepada kejiranan khususnya dalam aspek kesejahteraan dan keselamatan.

Sehingga Mac 2023, secara keseluruhan seramai 70,000 orang klien sedang mengikuti Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Komuniti (RPDK) dan Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) melalui Model i-Pulih AADK.

Berdasarkan anggaran, setiap seorang penagih, terdapat empat hingga enam ahli keluarga yang sengsara kesan daripada penagihan dadah. Daripada jumlah itu, kira-kira 3.3 juta rakyat Malaysia sengsara akibat aktiviti penagihan dadah. Sehubungan itu, ahli keluarga tidak harus berasa malu dan menyembunyikan permasalahan dadah dalam kalangan keluarga. Perkara itu perlu dilaporkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan sewajarnya.

AADK menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada penagih dadah di Malaysia supaya mereka kekal pulih daripada penagihan dadah yang dilaksanakan di 28 fasiliti Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) seluruh negara. Program rawatan dan pemulihan juga dilaksanakan oleh Pegawai AADK di 109 Pejabat AADK Daerah bagi memudahkan akses perkhidmatan rawat pulih kepada masyarakat yang memerlukan.

AADK juga menawarkan program rawatan dan pemulihan secara sukarela di 9 buah PUSPEN iaitu PUSPEN Bukit Mertajam, Pulau Pinang; PUSPEN Seri Iskandar, Perak; PUSPEN Sungai Besi, Kuala Lumpur; PUSPEN Jerantut, Pahang; PUSPEN Kota Bharu, dan PUSPEN Bachok, Kelantan; PUSPEN Dengkil, Selangor; PUSPEN Papar, Sabah serta PUSPEN Kuching, Sarawak.

Selain itu, AADK turut memperkenalkan perkhidmatan baharu iaitu *Mobile Recovery Treatment* (MRT AADK) bagi memperluaskan capaian program rawat pulih khususnya di kawasan yang sukar di akses.

Sebelum ini, Akhbar KOSMO! melaporkan kisah Isteri Penagih Sukar Tuntut Cerai hanya kerana berasa malu dan enggan untuk membuat laporan berkenaan kes penagihan dadah melibatkan suaminya.

Sekiranya anda atau orang yang dikenali terlibat dengan penyalahgunaan dadah, AADK sedia membantu. Sila dapatkan bantuan khidmat nasihat daripada Pegawai Pemulihan AADK, hadir ke Pejabat AADK di daerah berdekatan atau hubungi talian Hotline Helo AADK 1-800-22-AADK (2235) atau 019-626 2233.

**-TAMAT-**

**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
KAJANG, 27 APRIL 2023**

BIL 3/2023

#DadahTerkawal2025  *Lebih Baik Cegah*

Pertanyaan, Khidmat Nasihat atau Aduan  Talian Bebas Tol 1-800-22-AADK (2235)  019-626 2233



[www.adk.gov.my](http://www.adk.gov.my)



AgensiAntidadahKebangsaanMalaysia



[aadk.malaysia](https://twitter.com/aadk.malaysia)



[aadkmalaysia](https://www.instagram.com/aadkmalaysia)



[aadkTV](https://www.youtube.com/aadkTV)



[aadk.tv](https://www.tiktok.com/aadk.tv)



[AADKOfficial](https://www.telegram.com/AADKOfficial)

